

UiTM perlu terus berperanan bawa kemajuan pendidikan kepada Melayu, Bumiputera

Oleh **Mahani Ishak** - Ogos 28, 2024 @ 10:47pm
mahani@bh.com.my



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (lapan dari kiri) dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin (tujuh dari kanan); Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof (tujuh dari kiri); Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud (enam dari kiri); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (lima dari kanan); Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin (tiga dari kanan) pada Malam Gala Sempena Sambutan 25 Tahun UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. - Foto NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Universiti Teknologi MARA (UiTM) perlu terus memainkan peranan penting dalam membawa kemajuan pendidikan kepada orang Melayu dan Bumiputera, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, UiTM kekal relevan sehingga hari ini kerana kewujudan masalah kemunduran dan kemiskinan menyebabkan negara tidak boleh lari daripada realiti orang Melayu dan Bumiputera perlu dibantu dengan pendidikan lebih kedepan.

"Di atas peranan besar UiTM dapat menyediakan pendidikan yang unik meskipun pada realiti berdepan arus pendidikan dunia yang mengejar kemajuan dan kemodenan.

"Dalam kehairahan arus pendidikan dunia, UiTM berjaya mengekalkan dan memartabatkan citra Bumiputera dan pemikiran yang lebih mengakar kepada konteks tempatan dan tidak hanya semata-mata menjadi pengagum aliran pendidikan Barat.

"Ini kerana jika dilihat, nilai seringgit dahulu tidak sama nilainya dengan seringgit sekarang. Namun apa yang dilaburkan hari ini, adalah sinar cahaya buat generasi akan datang yang bakal meneruskan legasi sesebuah komuniti," katanya ketika Malam Gala 25 Tahun UiTM sebagai universiti di Dewan Agung Tunku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, malam ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Turut berangkat, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Norashikin yang juga Pro-Canselor UiTM.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.

Sehubungan itu, Anwar berkata, kelangsungan pendidikan anak bangsa hari ini penting demi kelestarian hari esok selari pencapaian cemerlang UiTM.

"Saya yakin UiTM akan terus menempa nama di persada dunia dengan pelbagai kejayaan, inisiatif dan ikhtiar yang lebih inovatif sesuai dengan peredaran masa.

"Ini kerana UiTM kini berada pada kedudukan ke-587 dalam QS World University Rankings 2025, kedudukan ke-98 dalam QS Asia University Rankings 2024 serta pada kedudukan ke-599 dalam QS World University Rankings: Sustainability 2024, ke-151 di Asia dan ke-13 di negara ini.

"Selain itu, pelajar UiTM turut menempa nama di persada dunia dengan pencapaian skor tertinggi dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA).

"Manakala dalam bidang perubatan, UiTM membangunkan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) sebagai hospital universiti dengan barisan pakar terlatih lengkap fasiliti berteknologi tinggi yang berperanan memperkasakan anak-anak Bumiputera dalam bidang perubatan dan klinikal serta menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, UiTM perlu memahami konteks sejarah dan fahaman lebih mendalam termasuk mengambil berat tentangan dan permasalahan pendidikan orang Melayu itu sendiri.

"Ini kerana jika konteks kemiskinan orang Melayu yang dibawa dan diperluas oleh Zainal Abidin Ahmad (Za'Ba) itu disingkap, ia bukan hanya bertitik tolak mengenai kemiskinan harta dan wang ringgit tetapi merangkumi konteks lebih luas dalam aspek pendidikan, hemat dan cita-cita orang Melayu itu sendiri.

"Justeru, kita tidak boleh lari daripada realiti, orang Melayu dan Bumiputera perlu dibantu dengan pendidikan lebih terkecapan kerana kebanyakan mereka datang daripada golongan masyarakat yang tersusah.

"Bagaimanapun, orang Melayu tidak boleh sentiasa disuap dengan segala kesenangan sehingga menjadikan mereka terlalu bergantung harap kepada orang lain," katanya.

Dalam pada itu Anwar berkata, dengan semangat menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-67 pada Sabtu ini, UiTM perlu menekankan penghayatan kemerdekaan terutama dalam mempertahankan dan memartabatkan hak pendidikan anak bangsa supaya terus dipertahan dan diperjuangkan.

"Dengan bertunjangan kekuatan bangsa Melayu dan Bumiputera, UiTM perlu memainkan peranan dengan lebih berkesan.

"Kita tidak boleh terlalu selesa dengan pencapaian dimiliki kerana kemakmuran dikecapi hari ini bukan diperolehi secara nasib dan kebetulan, tetapi melalui usaha gigih semua pihak dengan penuh ikhlas, istiqamah dan tawaduk untuk sama-sama membangunkan negara.

"Jangan kita alpa, lalai dan leka. Hayatilah Jiwa Merdeka dengan penuh kesungguhan. Perkukuhkan azam dan usaha dalam menerajui kembara akademik demi menjadikan Malaysia sebuah negara yang terangkat martabatnya," katanya.

Selain itu katanya, Anwar turut memuji usaha UiTM yang dianggap begitu baik dan inovatif ini dalam Memasyarakatkan Kecerdasan Buatan (AI).